

03 MAR 2002

RAJA ARIFFIN RAJA SULAIMAN MENINGGAL DUNIA

KUALA LUMPUR, 3 Mac (Bernama) -- Bekas Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) Datuk Raja Ariffin Raja Sulaiman meninggal dunia di Hospital Universiti, Petaling Jaya petang ini kerana sakit jantung.

Raja Ariffin, bekas anggota Parlimen kawasan Baling, Kedah, berusia 60 tahun.

Allahyarham, yang juga pengerusi eksekutif L&M Corp (M) Berhad, meninggalkan seorang balu Datin Norhayati Kamaluddin, lima anak dan seorang cucu.

Menurut anak keduanya Raja Azmi, 24, bapanya dimasukkan ke Unit Rawatan Rapi (ICU) hospital itu sejak 16 Jan lepas selepas beliau terjatuh di bilik air rumahnya di Jalan Damansara di sini.

Keadaan allahyarham mula kritikal tengah hari tadi dan semua anggota keluarga berada di sisinya semasa beliau menghembuskan nafas terakhir pada 3 petang, katanya.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah turut menziarahi jenazah allahyarham, yang dibawa pulang ke rumahnya, selain membaca Yassin.

Raja Azmi berkata jenazah ayahnya akan dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Bukit Kiara pada 10 pagi esok.

-- BERNAMA  
SHI DC NAK